

SISTEM PENGURUSAN REKOD PEKERJA (PELUPUSAN REKOD)

Nurain Nabila binti Baharom
Dr.Umi Asma' binti Mokhtar

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangun Sistem Pengurusan Rekod Pekerja yang mengkhusus kepada aktiviti pelupusan rekod. Sistem ini dibina bagi memudahkan pentadbir yang mengurus rekod pekerja yang mana telah tamat tempoh simpanan berdasarkan jadual pelupusan Jabatan Arkib Negara. Sistem ini mengambil kira aspek maklumat peribadi, maklumat perkhidmatan, maklumat sejarah kelayakan, maklumat kesihatan dan maklumat kewangan. Model pembangunan yang digunakan dalam projek ini ialah metod tangkas (*Agile Method*). Sistem Pengurusan Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod) merupakan satu sistem yang berasaskan web. Perisian utama yang digunakan untuk membangun sistem ini ialah Sublime Text dalam penghasilan pengekodan yang baik dan teratur. Perisian tambahan yang digunakan ialah phpMyAdmin untuk storan data. Diharapkan sistem ini dapat membantu para pentadbir di luar sana dalam menguruskan rekod-rekod pekerja sekali gus aktiviti pelupusan rekod menjadi lebih mudah.

1 PENGENALAN

Mengikut pandangan Tolfer (1990) kita berada di dalam gelombang ketiga iaitu gelombang maklumat. Gelombang pertama ialah gelombang pertanian manakala gelombang kedua pula ialah perindustrian. Gelombang atau perkataan lainnya ialah era, yang membawa maksud sesuatu jangka waktu yang bermula dari peristiwa atau dari waktu tertentu (Kamus Dewan Bahasa Edisi Kedua). Era yang sedang berlaku pada waktu ini ialah era maklumat di mana kebanyakan pekerja terlibat dalam penciptaan, pengagihan dan penggunaan teknologi maklumat. Dari semasa ke semasa, penggunaan teknologi maklumat semakin berkembang maju akibat pengetahuan manusia terhadap teknologi di serata dunia semakin meluas.

Menurut Mariam (2007), perkembangan teknologi maklumat telah mempengaruhi masyarakat di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Malaysia mestilah menjadi negara yang

maju dan di pandang di mata dunia dengan melahirkan masyarakat yang mempunyai kemahiran dan penguasaan yang tinggi kepada teknologi maklumat.

Era teknologi maklumat masa kini amat berguna kepada sesebuah organisasi menguruskan rekod-rekod yang banyak. Contohnya, sistem pengurusan maklumat yang melibatkan data-data yang banyak bagi mempercepatkan proses perekodan tanpa melakukannya secara manual. Selain itu, dengan menggunakan teknologi komputer, maklumat dapat disimpan dengan lebih selamat dan berkesan dan juga aktiviti penyelenggaraan rekod dapat dibuat dengan mudah.(Robert G. Murdick,1997).

Sistem pelupusan rekod yang sedia ada telah melambatkan aktiviti pelupusan akibat proses ini dilakukan secara insani(manual). Maka, dengan adanya teknologi komputer , aktiviti pelupusan rekod dapat dilakukan secara cepat dan memudahkan para pentadbir melakukan kerja. Sistem ini juga menerapkan elemen multimedia dari aspek antara muka yang menarik, sistem navigasi yang mudah , penggunaan typeface dan font yang bersesuaian dan grafik yang menarik di mana sistem ini akan memaparkan gambar foto setiap pekerja.

2 PENYATAAN MASALAH

Aktiviti pelupusan rekod adalah satu aktiviti yang tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Pentadbir bertanggungjawab untuk mengenal pasti rekod-rekod elektronik yang tiada nilai rujukan kekal dan seterusnya perlu dimusnahkan. Pelambakan data yang banyak menyebabkan storan di dalam komputer menjadi penuh. Apabila pelambakan data berlaku, data yang terhasil akan menjadi data yang tidak konsisten di mana satu data akan disimpan di dalam beberapa format dan akhirnya pemprosesan data menjadi perlahan. Oleh itu, aktiviti pelupusan rekod perlu dilakukan setelah rekod itu capai tamat tempoh simpanan. Sesungguhnya, di akhir projek ini pengkaji berhasrat dapat membangunkan sebuah sistem pengurusan rekod pekerja yang berkhususan kepada aktiviti pelupusan dan akhirnya masalah yang timbul dapat diatasi.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk membangun sebuah Sistem Pengurusan Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod). Matlamat ini dicapai melalui objektif seperti :

1. Kebolehan menghapus rekod yang tidak aktif dengan lebih teratur, sistematik dan cepat.
2. Mengenal pasti rekod pekerja yang perlu disimpan kekal mengikut jadual pelupusan.
3. Kebolehan penyelenggaraan maklumat.

4 METOD KAJIAN

Sistem Pengurusan Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod) ini dibangun berdasarkan metodologi yang dikenali sebagai kaedah Tangkas (Agile Method) . Melalui kaedah tangkas, sistem boleh diubah bila-bila masa jika tidak menepati citarasa klien. Pengujian awal akan dilakukan untuk mengesan sebarang ralat yang ada di dalam sistem. Ini akan memudahkan lagi kerja pembangun sistem untuk mengubah ralat dan perubahan tersebut akan dicatat dan di bawa ke lalaran yang seterusnya. Selain itu melalui kaedah ini juga, para klien, pembangun sistem dan penguji sistem akan sering bertemu untuk berkomunikasi secara 'face to face'. Pertemuan secara bersama-sama ini adalah lebih baik daripada menggunakan dokumentasi semata-mata.

4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini melibatkan proses pengenalpastian masalah, objektif, persoalan kajian dan menentukan skop. Langkah seterusnya adalah kajian kesusasteraan yang melibatkan pengumpulan, pencarian dan kajian lepas bagi mencetus idea dan inspirasi. Contoh topik yang berkaitan dikaji terutama berkaitan dengan konsep sistem pengurusan rekod yang mengkhususkan kepada aktiviti pelupusan rekod yang sedia ada. Maklumat dikumpul, distruktur dan disintesis dan dipersembah secara kritis dan kreatif dalam fasa analisis.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini memerlukan pembangun untuk menganalisis kelemahan serta permasalahan yang dihadapi oleh sistem dari semasa ke semasa. Sistem yang sedia ada perlu dikaji semula untuk menjadi sebagai bahan rujukan bagi memudahkan urusan pengumpulan maklumat untuk dianalisis. Tujuannya adalah untuk membangun sistem yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Selain itu, kaedah pemerhatian dan temubual akan digunakan sebagai inisiatif dalam mendapat data yang diperlukan untuk dianalisis supaya segala yang diperlukan oleh pengguna dapat dipenuhi.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini melibatkan proses merangka reka bentuk antara muka mesin yang akan dibangun. Ia juga melibatkan perisian dan perkakasan yang perlu dianggarkan bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna ketika cuba menggunakannya. Dalam menghasilkan reka bentuk yang efektif, Data Flow Diagram (DFD), carta aliran harus dibuat terlebih dahulu supaya dapat melihat gambaran yang lebih jelas aliran data dalam sistem yang akan dibangun. Bukan itu sahaja, Entity Relationship Diagram (ERD) juga perlu untuk memapar secara terperinci entiti dan ciri-ciri yang terlibat serta hubungan antara entiti dalam data.

4.4 Fasa Implementasi

Fasa implementasi merupakan fasa yang akan menentukan sistem yang dibangun mampu beroperasi tanpa sebarang masalah dan ralat. Fasa implementasi akan melibatkan aktiviti-aktiviti pengujian sistem, penukaran kepada sistem baru dan latihan kepada pengguna sebenar. Bagi aktiviti pengujian sistem, hampir seluruh komponen sistem akan diuji untuk mengesan ralat dan hasil ujian mungkin memerlukan pengulangan fasa pembangunan. Pengujian sistem akan tamat apabila komponen sistem yang diuji lulus fasa pengujian. Penukaran sistem baru akan dilakukan apabila ada maklum balas dari pengguna sebenar.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan Sistem Pengurusan Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod). Penerangan yang mendalam tentang reka bentuk dan fungsi sistem ini diperihai. Fasa reka bentuk adalah fasa yang penting dalam pembangunan projek. Pembangunan sistem bagi Sistem Pengurusan Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod) ini berasaskan web dan menggunakan kaedah “Agile”. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan dalam sistem ini ialah PHP, HTML, CSS dan Bootstrap serta teks editor yang digunakan ialah Sublime Text bagi implementasi algoritma. Manakala, pangkalan data yang digunakan untuk menyimpan data-data adalah MySQL.. Seterusnya pengujian terhadap reka bentuk sistem dan fungsi dijalankan untuk memasti hasil pembangunan adalah selaras dengan objektif yang ditetapkan sebelumnya. Antara fungsi yang memainkan peranan penting ialah fungsi menghapus rekod. Aktiviti carian status rekod telah berfungsi dengan lancar untuk memudahkan pengguna melakukan aktiviti penghapusan rekod dengan cepat. Rajah di menunjukkan aktiviti penghapusan rekod pekerja yang tidak aktif.


The screenshot shows a web interface for searching record status. At the top, there is a blue button labeled "Previous". Below it is the heading "Carian Status Rekod". The search form includes a dropdown menu for "Status Rekod" with a downward arrow, a text input field, and a "Search" button. Below the search form is the heading "Senarai Pekerja" and a table with the following columns: ID Pekerja, Nama, Jawatan, Tarikh Pencen, and Status.

ID Pekerja	Nama	Jawatan	Tarikh Pencen	Status


Rajah 1.0: Pengguna melakukan aktiviti carian status rekod sama ada rekod aktif atau tidak aktif



Rajah 1.1 : Aktiviti carian rekod berjaya dan sistem mempakan hasil carian



Rajah 1.2 : Paparan butang 'Butiran' (Maklumat Kesihatan Pekerja)



Rajah 1.3 : Paparan butang 'Padam' apabila di klik oleh pengguna

Selain itu, objektif penting dalam pembangunan sistem ini ialah kebolehan menyelenggara maklumat para pekerja. Rajah berikut menunjukkan aktiviti menyelenggara rekod pekerja.

The screenshot shows a web application form titled 'Menyelenggara Maklumat Peribadi'. The form contains the following fields:

- ID Pekerja: P004
- Nama: Muhammad bin Ahmad
- Umur: 81
- No Kad Pengenalan: 61175985233
- Tarikh Lahir: 21/11/1980
- Tempat Lahir: Pahang
- Jantina: lelaki
- Bangsa: Melayu
- Agama: Islam
- Alamat Tetap: 11-071 Lorong Sekolah Kanan, Desa Anggerik 26700, Pahang
- Taraf Perkahwinan: Buda
- No Telefon: 0182522112
- Imej: P004.jpg

At the bottom of the form is a 'Kemas kini' button.

Rajah 1.4 : Rajah memaparkan paparan menyelenggara rekod peribadi pekerja

Menyelenggara Maklumat Perkhidmatan Halaman

ID Pekerja	<input type="text" value="P001"/>
Nama	<input type="text" value="Nurain Nabila binti Baharom"/>
Tarikh Lapor Diri	<input type="text" value="mm/dd/yyyy"/>
Jabatan	<input type="text" value="Jabatan Audit"/>
Jawatan	<input type="text" value="Juruaudit"/>
Gred	<input type="text" value="W41"/>
Tarikh Perletakan Taraf Berpencen	<input type="text" value="mm/dd/yyyy"/>
Imej	<input type="text" value="P001.jpg"/>
Status	<input type="text" value="Pilih"/>
<input type="button" value="Kemaskini"/>	

Rajah 1.5 : Rajah memaparkan paparan menyelenggara rekod perkhidmatan pekerja

Menyelenggara Maklumat Sejarah Halaman

ID Pekerja	<input type="text" value="P001"/>
Nama	<input type="text" value="Nurain Nabila binti Baharom"/>
Kelayakan Akademik	<input type="text" value="Ijazah Sarjana Muda"/>
Bidang	<input type="text" value="Ekonomi"/>
Sekolah	<input type="text" value="SMK Tinggi Perempuan Melaka"/>
Tarikh Tamat Pengajian	<input type="text" value="mm/dd/yyyy"/>
CGPA	<input type="text" value="3.50"/>
<input type="button" value="Kemaskini"/>	

Rajah 1.6 : Rajah memaparkan paparan menyelenggara rekod sejarah kelayakan pekerja

Rajah 1.7: Rajah memaparkan paparan menyelenggara rekod kesihatan pekerja

6 KESIMPULAN

Rekod Pekerja (Pelupusan Rekod) adalah satu sistem yang berasaskan web dan rekaannya telah dimplentasikan dengan elemen-elemen multimedia seperti sistem navigasi yang mudah , penggunaan typeface dan font yang bersesuaian dan grafik yang menarik di mana sistem ini akan memaparkan gambar foto setiap pekerja.

Sistem ini telah dikenal pasti penggunaanya seperti pentadbir dan pekerja untuk mengendalikan sistem ini. Keistimewaan yang dibawa oleh sistem ini ialah sistem ini berupaya untuk mengenal pasti rekod-rekod yang tidak aktif dan sekali gus pentadbir boleh menghapus rekod-rekod tersebut. Log masuk bagi sistem ini ialah pentadbir sistem sahaja.

Rekaan antara muka juga telah ditunjukkan dalam dokumen ini. Harapnya dengan adanya rujukan rekaan ini sistem dapat dibangun dengan baik dan memenuhi keperluan

The screenshot shows a web form titled "Menyelenggara Maklumat Kesihatan" (Manage Health Information). The form contains the following fields and values:

Field Label	Value
ID Pekerja	P001
Nama	Nurain Nabila binti Baharom
Jenis Penyakit	Darah Tinggi
Tempat Rawatan	Hospital Besar Melaka
Tarikh Mula Rawatan	mm/dd/yyyy
Tarikh Akhir Rawatan	mm/dd/yyyy

At the bottom of the form, there is a button labeled "Kemas kini" (Update).

sistem.

7 RUJUKAN

Martin L. S. 1983. Software engineering: design, reliability, and management. New York: McGraw-Hill College.

Abdullah Embong. 2010. Database System. Universiti Malaysia Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

John T. 2019. "Benefits of Agile Development."

[https://www.planview.com/resources/articles/benefits-of-agile-development/\[24/9/2019\]](https://www.planview.com/resources/articles/benefits-of-agile-development/[24/9/2019])

Segue Technologies. 2015. "8 Benefits of Agile Software Development".

[https://www.seguetech.com/8-benefits-of-agile-software-development/\[29/9/2019\]](https://www.seguetech.com/8-benefits-of-agile-software-development/[29/9/2019])

Jabatan Kolej Komuniti. 2011. Pengurusan Maklumat Menggunakan Esh Berasaskan Teknologi Atas

Talian Untuk Pemantauan Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti.

http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/404-sistem-epsh.pdf [1/10/2019]

Arkib Negara Malaysia. 2010. Panduan Pelupusan Rekod Awam.

<https://www.moe.gov.my/pekeliling/pengurusan-rekod/990-panduan-pelupusan-rekodawam/file>[1/10/2019]

Rahmah Osman 2015. Controls of Records:

http://www.iiium.edu.my/media/25496/03%20Control_of_Records.pdf[09/2015].

Seksyen Pelupusan Rekod. 2012. Manual e-Pelupusan. Slide. Arkib Negara Malaysia.